

25/11/2001

Malaysia tidak beri perlindungan politik: PM

PUTRAJAYA: Malaysia tidak bersedia memberi perlindungan politik atau apa jua bantuan kepada Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari serta pengikutnya yang kini menjadi buruan kerajaan Filipina.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata prinsip Malaysia jelas iaitu tidak akan campur tangan terhadap sebarang pertikaian membabitkan negara jiran.

"Dulu kita menolong Misuari supaya dia dapat mencapai penyelesaian dengan kerajaan Filipina. Malangnya, apabila dia dapat kedudukan sebagai seorang gabenor, tidak banyak yang dilakukannya untuk kebaikan penduduk Islam di selatan Filipina. Jadi kita tidak lagi berasa bertanggungjawab untuk memberi bantuan kepadanya," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai hasrat Misuari yang dikatakan ingin mendapatkan suaka politik daripada Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia.

Misuari, Isnin lalu mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Filipina kerana membantah proses pilihan raya yang dijadualkan esok, yang dianggapnya bertujuan menyingkirkannya.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Asiaspace dot com, sebuah syarikat yang diberi lesen menyediakan akses kepada 'Worldspace System' di Malaysia, di sini, semalam Perdana Menteri berkata, Malaysia juga tidak boleh menjadi tempat kepada pemberontak seperti Misuari kerana perjuangannya kini bukan lagi menuntut kemerdekaan.

"Kita punyai komitmen satu saja, iaitu kita (Malaysia) tidak akan dijadikan sebagai tempat kepada mana-mana pengganas untuk berlindung di negara kita.

"Ini bukan soal peperangan untuk mendapatkan kemerdekaan dan sebagainya, ini sudah lama habis," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, ketika Malaysia sedang menolong satu lagi kumpulan dikenali Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) bagi menyelesaikan masalah di selatan Filipina, Misuari bertindak mencetus satu lagi pemberontakan bersenjata.

Ini menunjukkan Misuari tidak sehaluan dengan pemikiran majoriti penduduk di wilayah selatan Filipina yang beragama Islam itu, katanya.

Mengenai kemungkinan pelarian negara itu membanjiri negara ini, khususnya di Sabah, Dr Mahathir berkata:

"Ialah, kita tidak boleh menjadi tempat untuk mereka mencari perlindungan lagi sebab kita sudah tolong seberapa yang boleh untuk mereka dapat autonomi.

"Autonomi ini telah diberi, tapi malangnya, apabila mereka dapat kuasa, mereka tidak guna kuasa itu untuk kebaikan dan pembangunan di selatan Filipina.

"Sebaliknya, kita dapati pemimpin mereka seperti Misuari jarang berada di selatan Filipina, lebih kerap di luar negara atau di Manila.

Ditanya reaksi Malaysia berikutan permintaan Presiden Gloria Arroyo mendapatkan bantuan Malaysia dan Indonesia bagi menamatkan pemberontakan di wilayah berkonflik itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia tetap berpegang kepada janjinya untuk bekerjasama dengan semua negara di dunia untuk membanteras kegiatan pengganas.

Ditanya mengenai sejauh mana kebenaran dakwaan media Barat yang cuba mengaitkan Malaysia dengan Misuari dan MNLF, Dr Mahathir berkata, Malaysia memang pernah membantu bagi mendamaikan pihak pemberontak dengan kerajaan

Filipina.

"Memang dulu kita cuba menyelesaikan masalah ini dan kita cubalah untuk menolong mendamaikan pihak pemberontak dengan kerajaan Filipina.

"Dan ini sudah kita selesaikan dan tidak ada sebab kenapa mereka tidak menggunakan kuasa autonomi yang diberikan oleh kerajaan Filipina selepas kita menolong mereka berunding dengan kerajaan," katanya.

(END)